

15 JUL 1997

PARLIMEN: 74 PERATUS SYARIKAT IT EROPAH MINAT TEMPATKAN SYARIKAT DI MSC

KUALA LUMPUR, 15 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kira-kira 74 peratus daripada syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) atau multimedia di Eropah yang mengikuti promosi kerajaan terhadap Koridor Raya Multimedia (MSC) di negara itu menunjukkan minat untuk menempatkan syarikat mereka di MSC.

Katanya, 68 peratus daripada peserta promosi memilih Malaysia sebagai negara yang sedang berkembang pesat di Asia, berbanding China dan Singapura, masing-masing 10 peratus sahaja.

Ini merupakan satu perkembangan yang baik, kata beliau dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) di Dewan Rakyat.

Katanya promosi di Eropah itu juga telah berjaya memberi keyakinan dan pemahaman pada tahap 82 peratus mengenai inisiatif MSC, zon seluas 750 km persegi ke selatan ibu negara yang diperuntukkan bagi pembangunan barangan dan perkhidmatan multimedia.

Beliau berkata Kebanyakan pegawai eksekutif yang menghadiri promosi itu juga menyatakan keyakinan dengan kerajaan (88 peratus) dan juga ekonomi Malaysia (96 peratus).

Katanya, hampir 98 peratus peserta berpendapat promosi itu amat berguna.

Dalam usaha menarik pelaburan dari syarikat multimedia Eropah, Perdana Menteri telah menyampaikan ucap utama di Imperial College yang dihadiri wakil 800 syarikat manakala wakil 70 syarikat lagi menyaksikan ucapan itu melalui sidang video di Cardiff.

Semasa di Eindhoven dan Stockholm, kira-kira 100 pegawai eksekutif dan pegawai kanan dari syarikat terkemuka telah menghadiri seminar MSC bersama Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, katanya. -- BERNAMA

NZ NMO